

Kaji semula sistem perparitan

Orang ramai dakwa saluran sempit punca banjir

NURUL FIRDAUS KHAIRI

BANTING - Kerajaan negeri khasnya pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta mengkaji semula sistem perparitan sekitar pekan Banting yang dipercayai menjadi punca kepada berlakunya kejadian banjir kilat di sini, kelmarin.

Peniaga, Yeoh Hee Seng, 50, berkata, kebanyakan sistem perparitan sekarang didapati terlalu sempit sehingga tidak menampung jumlah air hujan.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan air melimpah seterusnya mengakibatkan banjir di hadapan deretan kedai.

"Pada saya masalah banjir di sini bukan disebabkan paras air sungai tetapi sistem perparitan tersumbat.

"Saya perhatikan banyak parit dan longkang yang sempit menyebabkan air tidak boleh nak keluar," katanya kepada *Sinar Harian*.

Hee Seng berkata, dia berharap pihak berkenaan mengkaji semula sistem perparitan sekitar kawasan peniaga dan laluan pengguna jalan raya di sini.

Katanya, keadaan sekarang semakin kritikal jika dibandingkan dengan yang



Antara kawasan premis perniagaan di pekan Banting dinaiki air, kelmarin.

pernah berlaku pada suatu masa dulu.

Seorang kakitangan swasta, Nooraini Salim, 33, berkata, dia terkejut apabila melihat laluan yang digunakannya setiap hari dinaiki air petang kelmarin.

Katanya, kawasan itu tidak sepatutnya

dinaiki air kerana kawasan berkenaan tidak berhampiran kawasan sungai.

"Pihak bertanggungjawab perlu melakukan sesuatu bagi mengatasi masalah ini supaya insiden sama tidak berulang pada masa depan.



SARAVANAN

"Ini baru hujan lebat dalam tempoh tidak sampai tiga jam, jika lebih mungkin jadi lebih teruk lagi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda MIC Kuala Langat, M Saravanan meminta pihak bertanggungjawab memantau sistem saluran di kawasan berkenaan.

Katanya, laluan pengguna di kawasan itu tidak seharusnya dinaiki air berikutan ianya adalah laluan tumpuan pengguna untuk ke beberapa premis di sini.